

# STANDARD PEMBEKAL GLOBAL

Medtronic

Di Medtronic, Misi kami adalah untuk meringankan sakit, mengembalikan kesihatan dan memanjangkan jangka hayat pesakit. Di bawah [Tatakelakuan](#) syarikat, kami melaksanakan tugas setiap hari dalam mengendali dan menguruskan perniagaan, berdasarkan standard etika dan rangka kerja yang terperinci. Tatakelakuan syarikat kami menetapkan asas bagi semua standard dan jangkaan di tempat kerja.

Kami mengharapkan para Pembekal berpegang pada standard kualiti tinggi yang sama, berhubung tatakelakuan perniagaan serta tanggungjawab alam sekitar dan sosial. Kami berharap semua Pembekal dapat:

- Mematuhi undang-undang, peraturan dan kawalan regulatori negara tempat mereka beroperasi.
- Menjaga hak kebajikan pekerja dan mematuhi [Dasar Standard Buruh dan Hak Asasi Manusia Global](#) syarikat Medtronic.
- Memastikan persekitaran tempat kerja adalah selamat dan sihat.
- Mengamalkan tanggungjawab alam sekitar dan sosial.
- Mempamerkan standard etika perniagaan yang paling tinggi.

Standard Pembekal Global kami menggariskan jangkaan dan keperluan minimum berhubung tatakelakuan perniagaan yang berdaya tahan dan beretika. Kesemua standard itu diguna pakai pada semua Pembekal, ejen dan pengilang kontrak (secara kolektif dirujuk sebagai "Pembekal" selepas ini), yang termaktub di bawah tatakelakuan perniagaan Medtronic di peringkat global. Para Pembekal perlu mematuhi semua standard berkenaan sepanjang tempoh membekal atau memberi perkhidmatan kepada Medtronic. Kami berhak menjalankan penilaian, audit dan pemeriksaan ke atas kemudahan, operasi dan rekod Pembekal pada bila-bila masa. Demi memastikan pematuhan standard ditepati. Medtronic juga berhak mengambil tindakan sewajarnya, termasuk menamatkan hubungan perniagaan dengan Pembekal, sekiranya mendapati berlaku pelanggaran standard yang ditetapkan.

## TINGKAH LAKU BERETIKA

### ▪ **Antirasuah**

Para Pembekal mesti mematuhi undang-undang antirasuah, merangkumi Akta Amalan Rasuah Negara Asing AS [U.S. Foreign Corrupt Practices Act (FCPA)] dan antipelaburan wang haram di semua negara tempat Medtronic beroperasi. Medtronic melarang sebarang bentuk sogokan atau pembayaran tidak wajar, merangkumi wang tunai, rebat tanpa penjelasan, bayaran bagi tujuan pengiklanan ataupun hadiah berupa elaun atau perbelanjaan.

### ▪ **Kerahsiaan**

Pembekal bertanggungjawab melindungi kepentingan dan maklumat sulit Medtronic, serta melaksanakan dasar pematuhan berhubung maklumat sulit berkenaan.

### ▪ **Konflik Kepentingan**

Pembekal perlu mengelak daripada melakukan sebarang transaksi, menjalin hubungan atau mengambil tindakan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan.

- **Mineral Konflik**

Para Pembekal dikehendaki mematuhi [Dasar Mineral Konflik](#) Medtronic yang komited mematuhi Akta Dodd-Frank.

- **Antimonopoli dan Persaingan Secara Adil**

Para Pembekal dikehendaki mengendalikan perniagaan supaya patuh undang-undang antimonopoli dan persaingan secara adil sepenuhnya, di bawah bidang kuasa negara atau tempat mereka beroperasi.

- **Harta Intelek**

Para Pembekal mesti melindungi maklumat sulit dan hak harta intelek Medtronic. Sebarang penggunaan, pendedahan dan pengendalian teknologi, pengetahuan dan harta intelek Medtronic yang lain mesti mematuhi setiap perjanjian sewajarnya.

- **Pematuhan Undang-Undang**

Para Pembekal mesti mematuhi semua ordinan, kawalan regulatori, undang-undang negara, negeri dan/atau tempatan. Para Pembekal juga perlu memenuhi kewajipan mereka, dengan mematuhi setiap perjanjian, persefahaman atau komitmen lain yang sudah dimeterai.

- **Dasar Hadiah**

Pekerja Medtronic tidak boleh menerima sebarang hadiah berlebihan daripada Pembekal atau menerima hadiah yang boleh menimbulkan konflik kepentingan.

- **Privasi**

Para Pembekal dikehendaki melindungi maklumat peribadi rakan niaga, pelanggan, pesakit dan pihak lain yang berurusan dengan mereka.

- **Kebajikan Haiwan**

Para Pembekal perlu mempraktikkan standard yang tinggi seperti Medtronic, berhubung layanan baik dan sifat perikemanusiaan terhadap haiwan. Standard ini menggariskan panduan mengenai penggunaan haiwan secara umum dalam latihan dan kajian. Ia juga sebagai panduan dalam usaha mengganti dan mengurangkan penggunaan haiwan melalui kemajuan teknologi. Semua standard dan protokol ada dimuatkan dalam [Dasar Penggunaan Haiwan](#) dan [Penilaian Kebolehlaksanaan Menghapuskan Penggunaan Haiwan Bagi Tujuan Latihan](#) syarikat.

## **PENGAWASAN ALAM SEKITAR**

Medtronic menjangkakan Semua Pembekal mengendalikan perniagaan dalam cara yang dapat memelihara dan melindungi alam sekitar. Pembekal juga perlu mempamerkan sikap bertanggungjawab dan telus dalam usaha mencapai tahap kelestarian perniagaan.

- **Pematuhan**

Para Pembekal mesti memenuhi undang-undang alam sekitar sewajarnya. Para pembekal mesti memaklumkan kepada Medtronic, sekiranya berlaku sebarang pelanggaran pematuhan yang signifikan.

- **Pemuliharaan**

Para Pembekal dikehendaki memantau impak aktiviti mereka terhadap alam sekitar secara proaktif. Ini dapat dilakukan menerusi pelaksanaan dasar dan program yang dapat memulihara sumber semulajadi,

mengurangkan pelepasan gas penyebab kesan rumah hijau, melupuskan sisa buangan, menggunakan semula dan mengitar semula bahan, menggalakkan pembelian produk dan perkhidmatan yang tahan lama, serta menggalakkan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan yang tahan lama.

- **Pengurusan Bahan Berhazard**

Para Pembekal mesti melaksanakan dasar pengurusan bahan berhazard secara selamat. Selain itu, mereka juga perlu menguatkuasa larangan atau pengharaman bahan tertentu. Para Pembekal dikehendaki menyediakan maklumat mengenai bahan yang digunakan pada bahagian atau komponen mereka, seperti yang disenaraikan dalam Senarai Bahan Berhazard Medtronic.

## **TANGGUNGJAWAB SOSIAL**

Medtronic berusaha keras membawa impak positif pada komuniti di tempatnya beroperasi. Kami menjaga hak asasi manusia dan mematuhi semua undang-undang berhubung amalan buruh, tempoh bekerja dan keadaan di tempat kerja, kadar upah serta isu lain yang memberi kesan pada kesihatan dan keselamatan pekerja.

Medtronic menjangkakan Para Pembekal menunjukkan komitmen tinggi yang sama dalam tanggungjawab sosial mereka. Kami berharap para Pembekal kami mematuhi [Dasar Standard Buruh dan Hak Asasi Manusia Global](#) serta [Dasar Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran syarikat kami](#).

- **Buruh Kanak-kanak**

Medtronic melarang penggunaan buruh kanak-kanak. Para Pembekal mesti mengambil pekerja yang sudah mencapai tahap umur minimum layak bekerja. Keperluan ini tertakluk pada undang-undang tempatan tempat mereka bekerja, bergantung pada jenis pekerjaan.

- **Peluang Saksama**

Para Pembekal mesti menyediakan peluang pekerjaan secara saksama dan adil. Layanan saksama perlu diberikan kepada pemohon tanpa mengira faktor umur, ketidakupayaan, kerakyatan, kehamilan dan materniti, bangsa, jantina, orientasi seksual, mahupun status sah mereka. Peluang saksama itu mesti diamalkan dalam semua keputusan melibatkan pekerjaan. Ia merangkumi urusan pengambilan pekerja, perlantikan jawatan, pemberian latihan, kenaikan pangkat, pampasan, faedah, pemindahan dan pengurangan pekerja.

- **Pemberian Pampasan Secara Adil**

Para Pembekal mesti mematuhi semua standard undang-undang negara sewajarnya yang berkaitan dengan upah minimum, kerja lebih masa dan penetapan jumlah jam maksimum bagi tempoh bekerja. Semua keperluan ini tertakluk pada undang-undang dan kawalan regulatori negara tempatnya beroperasi.

- **Perekrutan**

Para Pembekal mesti mengamalkan perekrutan beretika (secara langsung atau melalui agensi pihak ketiga) dan mengelak perbuatan eksploitasi pekerja semasa proses perekrutan. Para Pembekal mesti: melarang perampasan dokumen identiti pekerja; menyediakan dokumen bertulis berhubung terma dan syarat pekerjaan kepada pemohon, dalam bahasa yang mereka fahami semasa proses perekrutan; serta melarang pekerja membayar yuran perekrutan atau meminta bayaran semula selepas yuran dijelaskan. Para Pembekal perlu memastikan agensi perekrutan pihak ketiga mematuhi maklumat dalam dokumen ini dan undang-undang berkaitan.

- **Buruh Paksa**  
Medtronic melarang perbuatan perhamaan dan perdagangan manusia dalam premis dan operasi Pembekal. Selain itu, sebarang bentuk buruh paksaan secara perjanjian atau pengurungan juga adalah dilarang.
- **Kebebasan Berpersatuan dan Tawar-menawar Kolektif**  
Para Pembekal mesti menghormati hak pekerja. Mereka tidak boleh menghalang pekerja menubuhkan atau menyertai kesatuan sekerja yang dipilih dan membuat tawar-menawar secara kolektif.
- **Kesihatan & Keselamatan**  
Para Pembekal mesti menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat, bersih dan sihat untuk pekerja. Persekitaran itu perlu bebas daripada gangguan verbal, emosi dan fizikal atau sebarang tingkah laku yang mengancam mahupun mendera mereka. Pembekal dikehendaki melaksanakan dasar yang melarang penggunaan senjata haram, alkohol, dadah dan bahan kawalan yang lain di tempat kerja. Pembekal perlu meletakkan tanda keselamatan bagi mencegah pekerja terdedah pada bahan berhazard. Selain itu, mereka juga perlu memantau pekerja yang cedera dan jatuh sakit di tempat kerja, serta memastikan wujud persediaan lengkap bagi menghadapi kecemasan. Para pekerja perlu menerima latihan keselamatan dan kesihatan secara berkala dan direkodkan. Latihan itu perlu diulangi bagi pekerja baru atau yang berpindah jabatan. Pembekal perlu menyediakan kemudahan tandas dan air bersih yang boleh diminum. Selain itu, kemudahan tempat menyimpan makanan yang bersih juga perlu disediakan. Tempat tinggal pekerja sama ada disediakan atau diatur, mesti memenuhi standard perumahan dan keselamatan tempatan. Tempat itu juga perlu dipastikan bersih, selamat dan menepati keperluan asas pekerja. Para Pembekal perlu melantik seorang wakil pengurusan kanan yang bertanggungjawab atas keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Wakil itu mesti memaklumkan kepada Medtronic sekiranya berlaku pelanggaran dasar keselamatan dan kesihatan yang signifikan, selain mengambil tindakan segera bagi mengatasinya.
- **Kepelbagaiannya Pembekal**  
Medtronic komited melibatkan pelbagai Pembekal kecil yang berkelayakan dalam proses perolehan dan rantaian bekalannya. Medtronic menjangkakan Semua Pembekal dapat memberi komitmen dengan mengatur pelbagai strategi dan program, bagi meningkatkan peluang perolehan untuk pelbagai perniagaan kecil sewajarnya.

## TATALAKU PERNIAGAAN

- **Sistem Pengurusan**  
Medtronic menjangkakan Para Pembekal mempunyai sistem bersesuaian bagi mengurus kualiti produk, impak terhadap persekitaran, standard buruh, risiko keselamatan dan kesihatan, tatakelakuan perniagaan beretika, risiko kesinambungan dan penambahbaikan berterusan. Para Pembekal mesti mempunyai program latihan yang mencukupi untuk para pekerja. Demi memastikan tahap pengetahuan dan kemahiran mereka menepati standard yang ditetapkan dalam bidang berkaitan. Para Pembekal juga mesti memastikan keperluan yang sama itu dipenuhi oleh semua Pembekal mereka.
- **Publisiti**  
Medtronic tidak membenarkan Para Pembekal menggunakan nama dan logo syarikat ini untuk paparan umum, tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu. Para Pembekal juga tidak boleh mendedahkan hubungan mereka dengan Medtronic, produk, bahagian, reka bentuk, mahupun sebarang maklumat bukan umum di tempat umum. Ini merangkumi kenyataan media, laman web, media sosial, pameran dagangan dan premis Pembekal itu sendiri.

- **Ketelusan**

Para Pembekal perlu telus dalam aktiviti perniagaan mereka, struktur syarikat, situasi kewangan, pencapaian dan perniagaan, tertakluk di bawah tuntutan sebarang undang-undang dan standard industri yang sewajarnya.

## **PEMATUHAN DAN ETIKA SYARIKAT MEDTRONIC**

Sekiranya Pembekal dan pihak luar yang lain berhasrat membuat aduan berhubung isu yang digariskan dalam dokumen ini, sila hubungi Medtronic melalui talian sulit Medtronic, Voice Your Concern Line di laman web [www.voiceyourconcernline.com](http://www.voiceyourconcernline.com). Sila dail nombor talian bebas tol berikut untuk berhubung dengan perkhidmatan Voice Your Concern Line di AS (800-488-3125) dan negara lain.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan khusus berhubung Standard Pembekal Global Medtronic, sila ajukan kepada [responsiblesupplymanagement@medtronic.com](mailto:responsiblesupplymanagement@medtronic.com).